

Guan Eng: Pemilihan CEC DAP tetap diteruskan
Malaysian Insider
Sept 11 , 2013
OLEH MOHD FARHAN DARWIS

Pemilihan anggota Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) DAP akan tetap diteruskan walaupun menerima bantahan daripada beberapa ahli parti itu, kata Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng.

Lim berkata, perwakilan parti berkenaan diharap dapat hadir ketika pemilihan berkenaan sebagai tanda sokongan dan solidariti kepada parti.

"Persiapan semua kita sudah aturkan. Saya harap perwakilan akan hadir untuk menyelamatkan parti," katanya yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang.

Ditanya tindakan beberapa ahli mereka yang memfailkan permohonan injunksi terhadap pemilihan berkenaan, Guan Eng berkata, perkara itu akan diuruskan peguam mereka.

"Peguam kami akan uruskan perkara itu. Kami akan teruskan dengan pemilihan sehingga menerima arahan daripada mahkamah," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program "Impian Sarawak" di Ibu Pejabat DAP di Kuala Lumpur.

Naib Pengerusi DAP cawangan Ladang Paroi, Seremban, A David Dass semalam mendakwa memfailkan permohonan injunksi bagi menghalang pemilihan khas CEC parti itu yang akan diadakan pada 29 September ini.

Dass yang hadir dengan dua lagi individu di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Jalan Duta semalam memberitahu, beliau memfailkan permohonan injunksi terbabit selepas menerima notis berhubung pemilihan khas tersebut.

Permohonan injunksi itu dikemukakan atas alasan pemilihan khas itu bertentangan dengan perlembagaan parti berkenaan.

Bagaimanapun sehingga petang, pihak media tidak diberikan salinan dokumen permohonan terbabit.

Mereka menuntut pada tarikh tersebut satu mesyuarat kongres diadakan dan bukannya pemilihan CEC. - 11 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/guan-eng-pemilihan-cec-dap-tetap-diteruskan>